

## **TEKS UCAPAN**

**YBHG. PROFESOR Ts. Dr. MASSILA BINTI KAMALRUDIN**  
**NAIB CANSELOR UTeM**

---

**FORUM PENYELIDIKAN UNTUK MASYARAKAT**

3 OGOS 2022, 11.00 PAGI,

*اوپنیفرستت سکینه*  
**DEWAN KULIAH FKP**

**UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

Terima Kasih Pengacara Majlis,

**Yang Berusaha Profesor Dr. Zulkifilie bin Ibrahim**

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

**Yang Berusaha Profesor Ir. Ts. Dr. Ghazali bin Omar**

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

**Yang Berusaha Profesor Ir. Dr. Badrul Hisham bin Ahmad**

Pengerusi Majlis Profesor UTeM

**Yang Berusaha Profesor Datuk Ir. Ts. Dr. Mohd Jailani bin  
Mohd Nor**

Pengarah Pusat Strategik Penjanaan Pendapatan

Pegawai-Pegawai Kanan Universiti

Ahli-Ahli penyelidik

Serta semua ahli Keluarga UTeM yang dikasihi sekalian.

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*

Salam Sejahtera

Salam Keluarga Malaysia

Salam Keluarga UTeM



اویورسیتی تکنیکال ملیسیا ملاک

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## PENDAHULUAN

1. Alhamdullillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kehadrat Allah Subbahanahu Wata'ala, di atas segala rahmat dan kurniaan dariNya, kita dapat berhimpun dan bertemu pagi ini di **Forum Penyelidikan untuk Masyarakat** yang dianjurkan oleh Muafakat Profesor UTeM (Kluster RDC) dengan kerjasama CRIM dan UTeMASA.
2. Seperti yang dimaklumkan, forum ini dianjurkan untuk meningkatkan kefahaman dan kesedaran terhadap kepentingan penyelidikan di kalangan para penyelidik di UTeM, di samping perkongsian pengalaman, cabaran dan halatuju yang berkaitan.
3. Saya sangat berbesar hati kerana pada hari ini, YBhg. Prof. Datuk Ir. Ts. Dr. Mohd Jailani sudi untuk bersama-sama

sebagai panel forum memandangkan beliau merupakan seorang yang pernah terlibat dengan penyelidikan secara dasar dan polisi di peringkat Kementerian Pengajian Tinggi. Seperti yang semua sedia maklum, beliau juga merupakan mantan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) UTeM yang telah terlibat dengan pengurusan pelbagai jenis penyelidikan di UTeM dan ketika ini merupakan Pengarah Pusat Strategik Penjanaan Pendapatan. Terima kasih Datuk.

### **Keluarga UTeM yang dihormati sekalian,**

4. UTeM merupakan satu Universiti yang bukan sahaja berperanan sebagai satu institusi yang menjalankan fungsi pengajaran dan pembelajaran, tetapi sebagai penyedia tenaga kerja dalam menghasilkan ilmu dan teknologi baharu menerusi penyelidikan. Seperti mana yang sering kali ditekankan,

penyelidikan amat penting untuk kemajuan ilmu dan pembangunan masyarakat khususnya kepada komuniti di sekitar institusi akademik ini berada iaitu di Melaka.

5. Oleh yang demikian, penyelidik merupakan satu aset yang sangat berharga bagi memastikan agenda ini dapat dilaksanakan. Melahirkan penyelidik yang berkaliber, mempunyai komitmen yang tinggi dan juga mampu bekerjasama dalam satu pasukan merupakan intipati bagi melahirkan produk penyelidikan yang berkualiti. Jadi saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru kepada semua ahli akademik untuk bersama-sama menyumbang dalam pembangunan penyelidikan di UTeM.

**Keluarga UTeM yang dikasihi sekalian,**

6. Cabaran utama dunia pada ketika ini ialah konflik, perubahan iklim, kekurangan sumber makanan, ancaman penyakit, kemiskinan dan sebagainya. Sesetengah masalah ini boleh diselesaikan menerusi dasar dan undang-undang. Bukan itu sahaja, masalah-masalah ini juga boleh diselesaikan menerusi teknologi. Para penyelidik UTeM yang mempunyai ilmu dan kepakaran serta kemudahan fasiliti wajar memulakan kajian yang impaknya akan menyelesaikan masalah yang sedang dihadapi oleh masyarakat.
7. Antara contoh penyelidikan yang memberi impak secara langsung kepada masyarakat setempat yang telah dibangunkan di UTeM adalah seperti program Melaka Smart River, Pertanian Pintar, Bandar Pintar, Suci Uris dan e-Beca.

8. Setiap fakulti, pusat dan institut mempunyai kepakaran masing-masing serta boleh bekerjasama untuk melaksanakan sesuatu penyelidikan. Kita ada pakar dalam bidang sains sosial, teknologi, teknikal dan ICT yang saya yakin mampu menghasilkan output yang berimpak kepada masyarakat. Bagi melahirkan produk dan inovasi yang memberi manfaat kepada masyarakat, kerjasama dalam semua bidang ini adalah perlu. Kepincangan di dalam sesuatu bidang akan menyebabkan kepincangan terhadap penyelidikan dan inovasi yang dilaksanakan.

9. Sebagai contoh, institusi yang mampu menginovasi sesuatu produk baru tidak akan berjaya sekiranya produk tersebut tidak dipasarkan secara meluas dan tidak diguna pakai oleh masyarakat.

10. Saya melihat ini merupakan satu kelemahan utama di UTeM kerana kita mempunyai inovasi dan produk yang berpotensi untuk dipasarkan tetapi oleh kerana pemasaran yang lemah, inovasi dan produk tersebut tidak dimanfaatkan oleh masyarakat setempat. Oleh yang demikian, saya berharap supaya produk dan inovasi UTeM dapat dipasarkan dengan lebih giat lagi untuk penggunaan dan kemudahan masyarakat setempat.
11. Bukan itu sahaja, bagi tujuan penjanaan saya bersama-sama *team UTeM* telah ke UAE baru-baru ini dalam perbincangan kerjasama untuk menyediakan *UTeM Technology Center* di Abu Dhabi bagi tujuan pemasaran produk-produk dan inovasi UTeM. Diharapkan dengan kewujudan pusat ini akan mampu

memasarkan produk dan inovasi UTeM di peringkat antarabangsa dan mampu menyumbang terhadap penjanaan Universiti.

12. Akhir kata, saya amat berharap semua yang hadir pada hari akan mengambil peluang mendapatkan input bagaimana untuk memulakan penyelidikan yang memberi impak secara langsung kepada masyarakat terutama kepada komuniti di sekitar UTeM.

Berehat teruna di pohon cemara

Sambil menjamah buah kuini

Penyelidik berkualiti aspirasi negara

Menjadi pemangkin masyarakat harmoni

Sekian

*Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Wrt. Wbth.*

Terima kasih.



اونیورسیتی ٹکنیکال ملیسیا ملاک

---

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA